



## SIARAN MEDIA

---

### PROGRAM JIWA MADANI PERKUKUH SEMANGAT PERPADUAN KOMUNITI

**KUALA PERLIS, 27 April 2024** - Menteri Komunikasi, YB Fahmi Fadzil hari ini menyantuni lebih 1,500 orang yang terdiri daripada pemimpin masyarakat dan komuniti setempat dalam majlis sambutan Aidilfitri yang diadakan bersempena Program JIWA MADANI di Kampung Seberang Ramai.

Majlis anjuran Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) dengan kerjasama Komuniti MADANI negeri Perlis memberi peluang kepada masyarakat pelbagai bangsa untuk meraikan sambutan Aidilfitri sekali gus memupuk semangat perpaduan dan keharmonian.

Program JIWA MADANI dianjurkan dengan tujuan untuk menguar-uarkan maklumat, dasar dan inisiatif kerajaan berteraskan konsep Malaysia MADANI. Sehingga kini, sebanyak 19 program telah dilaksanakan di sekitar Perlis dengan melibatkan penyertaan seramai 1,470 orang.

Pada majlis yang sama, YB Fahmi menyampaikan watikah penubuhan Komuniti MADANI kepada 45 orang ketua/wakil komuniti di seluruh negeri Perlis dari 15 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN). Penubuhan Komuniti MADANI mampu memperkasakan usaha penyaluran maklumat kerajaan ke peringkat akar umbi.

YB Fahmi turut menyampaikan sumbangan kepada tiga keluarga yang terlibat dalam kebakaran rumah pada 15 Mac 2024 di Kampung Seberang Alor, Kuala Perlis.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi, Datuk Mohamad Fauzi bin Md Isa dan Timbalan Ketua Pengarah (Kandungan Digital) JAPEN, Puan Julina binti Johan.

**Dikeluarkan oleh:**  
**Jabatan Penerangan Malaysia**